



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Ministry of Education

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan : 2026/06/trg/TM/002

Ruj. Kami : KPM.600-4/1/1 Jld. **SS (59)**

Tarikh : **15** Jun 2026

Presiden

Kelab Olahraga Alam Sinergi

Lot PT36982, HS(M) 25510 Wakaf Bharu

Mukim Kuala Nerus

21300 Kuala Terengganu

Terengganu

Tuan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI
TERENGGANU MARATHON 2026 ANJURAN KELAB OLAHRAGA ALAM
SINERGI**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas dan berkaitan juga dengan surat tuan bertarikh 4 Jun 2026.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) mengucapkan tahniah atas usaha pihak **Kelab Olahraga Alam Sinergi** kerana telah memberikan peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Terengganu Marathon 2026** yang telah dilaksanakan pada **30 April hingga 1 Mei 2026** bertempat di Kompleks Sukan Negeri Terengganu.

3. BSkk telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan II Peringkat Kebangsaan** bagi penyertaan murid dan **Pencapaian Peringkat Kebangsaan** kepada peserta yang mendapat tempat dalam pertandingan ini.

4. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan pelibatan kokurikulum Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di Lampiran A. Pihak penganjur perlu mengemukakan salinan surat pengiktirafan program beserta senarai murid terlibat kepada jabatan pendidikan negeri (JPN) dan sekolah yang berkaitan.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh diajukan kepada **Unit Sukan 1** di talian **03-88841029** atau e-mel **us1.bskk@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan

SHAM/pengiktirafan2025/desktop

**PENGIKTIRAFAN PELIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM
PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

JENIS PELIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	i. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
PELIBATAN II	i. Program pertandingan / kejohanan / perkhemahan / kursus / karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan. ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara.
PELIBATAN III	i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program / aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung. ii. Pelibatan murid sebagai penyokong atau penonton.

SKOR PELIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah / Sarawak)	12	9	5
Zon / Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA / PERINGKAT	SKOR				
		Johan	Naib Johan	Ke-3	Ke-4	Ke-5
Tahap Pencapaian	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4